

# UMS menang jumlah pingat emas tertinggi pada ITEX 2023

UB 16.05.2023 P.02

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mencipta sejarah dengan memenangi jumlah pingat emas tertinggi di Pameran Inovasi, Penemuan dan Teknologi Antarabangsa (ITEX) 2023.

UMS membawa 20 inovasi terbaru ke pertandingan tersebut, menghasilkan 13 pingat emas, enam pingat perak, dan empat anugerah khas.

Menurut kenyataan UMS, kejayaan itu adalah hasil daripada kesungguhan dan latihan yang dilahamkan oleh Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Ir. Dr. Rosalam Hj. Sarbatly.

“Selain jumlah kutipan pingat yang memberangsangkan, UMS juga memenangi beberapa anugerah khas.

“Prof. Madya Dr. Jidon @ Adrian Janaun memenangi Anugerah Produk Inovatif Malaysia (MIPA) dalam kategori Peralatan, Elektronik, Mesin untuk inovasinya yang bertajuk Residual Oil Extractor (ROE).

“Beliau juga memenangi



**GEMBIRA:** Penerima Anugerah Emas ITEX 2023 bergambar sempena majlis itu.

Anugerah Ciptaan Terbaik (Top 3 Grand Winner) untuk produk yang sama,” ujar kenyataan itu yang dikeluarkan di sini.

Menurut kenyataan itu lagi, pemenang anugerah khas UMS yang lain termasuk Dr. Norhayati Ayob, yang memenangi Anugerah Ciptaan Terbaik dalam kategori Produk Rumah Tangga bagi inovasi bertajuk Lapohan Artistry.

“Dengan pencapaian yang

cemerlang, UMS sekali lagi membuktikan komitmenya terhadap inovasi dan penyelidikan.

“Tahniah kepada semua pemenang dan UMS atas prestasi luar biasa mereka di ITEX 2023.

“Universiti ini melalui Pusat Inovasi dan Pengkomersilan (PPIP), akan terus berusaha untuk menterjemahkan anugerah kepada pengkomersialan,” tambah UMS.

Untuk rekod, ITEX merupakan pameran tahunan yang mengumpulkan perekacipta, inovator, dan usahawan teknologi dari seluruh dunia untuk memperkenalkan produk dan perkhidmatan mereka.

Berlangsung pada 11 - 12 Mei 2023 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, ia merupakan salah sebuah pameran terbesar yang seumpamanya di Asia Tenggara.